



TOLERANSI: MENERATKAN HUBUNGAN NEGARA



Baca dan fahami cerita di bawah.

Keluarga Bah Eton berasa gembira kerana mereka akan menerima seorang anak angkat dalam program pertukaran murid peringkat antarabangsa antara sekolahnya dengan sebuah sekolah dari Indonesia. Program tersebut bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan mengenali budaya serta adat resam antara dua negara.



Sebagai persiapan awal, bapa Bah Eton telah berbincang dengan semua ahli keluarganya tentang persiapan menyambut kedatangan anak angkat mereka yang bernama Gonzales. Gonzales akan ditempatkan di bilik bersama-sama dengan Bah Eton dan adiknya. Namun, di bilik mereka hanya terdapat dua buah katil. Demi memberikan keselesaan kepada tetamu, adik Bah Eton menawarkan diri untuk tidur di bilik kakaknya.



Setelah beberapa hari tinggal di rumah keluarga angkat, Gonzales ingin menggunakan komputer untuk menghantar e-mel kepada keluarganya. Bah Eton memberitahu Gonzales bahawa kakaknya sedang menggunakan komputer tersebut. Walau bagaimanapun, Gonzales sabar menunggu sehingga kakak Bah Eton selesai membuat kerjanya.

Pada hari minggu, bapa Bah Eton ingin membawa mereka berdua pergi melawat ke tempat-tempat menarik di Cameron Highlands. Semasa hendak menaiki kereta, Bah Eton mempelawa Gonzales supaya duduk



di kerusi hadapan yang menjadi tempat kegemarannya. Gonzales menolak pelawaan itu. Bah Eton menjelaskan bahawa adalah lebih elok Gonzales duduk di kerusi hadapan untuk memudahkannya melihat pemandangan tempat-tempat yang dilawati dengan lebih jelas. Gonzales berasa bangga akan sikap Bah Eton yang tidak mementingkan diri sendiri.

Selepas beberapa hari, berakhirlah program anak angkat tersebut. Sebelum berpisah, Gonzales mengucapkan terima kasih kepada keluarga Bah Eton dan berharap agar hubungan mereka terus berpanjangan.



Jawab soalan-soalan berikut selepas membaca petikan di atas.

1. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh watak-watak dalam cerita di atas?

2. Terangkan kepentingan kamu bertoleransi apabila terlibat dalam program pertukaran murid peringkat antarabangsa.

3. Ceritakan pengalaman kamu bertoleransi apabila terlibat dalam program peringkat kebangsaan.

4. Jelaskan perasaan kamu apabila mengamalkan sikap toleransi dalam masyarakat atau dengan pihak lain.
